

## HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DENGAN PENGGUNAAN WEB 2.0 TOOLS DALAM KALANGAN PENSYARAH UNIVERSITI

**Dr. Norazlinda Saad, Dr. Surendran Sankaran**

Universiti Utara Malaysia

[azlinda@uum.edu.my](mailto:azlinda@uum.edu.my), [surendran@uum.edu.my](mailto:surendran@uum.edu.my)

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan dengan penggunaan Web 2.0 Tools dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P). Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk memperoleh data daripada responden. Populasi kajian ini adalah pensyarah universiti dan seramai 100 orang pensyarah telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah persampelan rawak. Satu set soal selidik yang diadaptasikan dari kajian-kajian lepas telah digunakan sebagai instrumen untuk mengutip data. Analisis kajian sebenar menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu  $\alpha=0.89$ . Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan korelasi pearson. Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan pensyarah tentang Web 2.0 Tools adalah pada tahap sederhana, manakala tahap penggunaan Web 2.0 Tools dalam P&P berada pada tahap rendah. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan tahap penggunaan Web 2.0 Tools dalam P&P. Dapatan ini menggambarkan bahawa para pensyarah mempunyai pengetahuan dan sedar tentang kepentingan penggunaan Web 2.0 Tools dalam P&P. Kajian ini memberi implikasi bahawa di samping faktor pengetahuan, faktor-faktor lain seperti kemahiran, ganjaran dan kemudahan juga perlu diberi perhatian supaya dapat meningkatkan penggunaan Web 2.0 Tools dalam P&P.*

**Kata kunci:** ICT, Web 2.0 Tools, Pengetahuan.

---

### 1. Pengenalan

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kini membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk meneroka dan meraih pengetahuan dalam alam maya. ICT mempunyai manfaat motivasi yang berupaya untuk menarik pelajar agar turut aktif dalam pembelajaran. ICT juga membantu para pelajar mengekalkan minat dan menggalakkan pembelajaran sendiri. Oleh itu, platform yang sesuai harus digunakan oleh pensyarah agar pembelajaran kolaboratif dengan sokongan komputer dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar serta menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

#### 1.1 Penyataan Masalah

Selaras dengan pelaksanaan Dasar e-Pembelajaran Negara (Depan), Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil inisiatif untuk mengintegrasikan pembelajaran dalam mod teradun (blended learning) (Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC), 2012). Sebagai langkah asas pengintegrasian kaedah e-pembelajaran, UUM menggalakkan para pensyarah menggunakan LearningZone (LMS) untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran seperti menggunakan forum, kuiz, wikis, dan penerapan objek pembelajaran.

Di samping penggunaan LMS, UUM juga dalam usaha untuk membangunkan objek pembelajaran yang menekankan pengajaran berbentuk interaktif (UTLC, 2012). Penggunaan *Web 2.0 Tools* ini membantu mengubah landskap abad ke-21 dalam bidang pendidikan. Ia

membentuk pendekatan pelajar untuk belajar, pendekatan pengajar untuk mengajar dan bagaimana pendidik berinteraksi dengan pelajar (Hargadon, 2009). Bagi mencapai matlamat ini, pihak UUM melalui UTLC kerap mengadakan pelbagai bengkel pembangunan bahan pengajaran berasaskan Web 2.0 dengan menjemput fasilitator yang berpengalaman dari dalam dan luar UUM.

Berdasarkan senario ini, satu kajian untuk mengenal pasti tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* dalam kalangan pensyarah adalah amat diperlukan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pensyarah dalam mengendalikan *Web 2.0 Tools*.

## **1.2 Objektif Kajian**

1. Mengetahui tahap pengetahuan dan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools*.
2. Mengetahui hubungan antara pengetahuan dengan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools*.

## **2. Tinjauan Literatur**

### **2.1 Penggunaan Web 2.0 dalam Pembelajaran dan Pengajaran**

Web 2.0 merupakan satu inovasi perisian serta aplikasi Internet dari web berbentuk statik kepada web yang lebih dinamik serta fleksibel. Kandungan yang dipersembahkan lebih interaktif dan pelbagai serta menekankan konsep komunikasi web secara dua hala. Web 1.0 peringkat awal adalah statik, berpusat, berasaskan kandungan, sedia dibaca, kaku dan bersifat individu. Sebaliknya, Web 2.0 adalah dinamik, tersebar, berasaskan perkhidmatan, sedia ditulis, bersatu tanpa terikat dan sosial. Perbezaan utama Web 1.0 dengan Web 2.0 adalah dari segi penglibatan pengguna lebih besar dalam membina dan menguruskan isi kandungan, yang mana ini menukar sifat dan nilai sesuatu maklumat (Zuraidah, 2011). Web 2.0 membenarkan dan memudahkan penglibatan aktif setiap pengguna. Ini bermakna menerusi penggunaan teknologi ini para pelajar dan pensyarah menjadi lebih aktif dan terlibat secara individu.

Oleh itu, kehadiran aplikasi Web 2.0 ini dilihat sebagai revolusi untuk menyebarkan maklumat secara meluas khususnya dalam bidang pendidikan. Teknologi Web 2.0 menyediakan pensyarah satu kaedah baru untuk mendekati pelajar-pelajarnya dengan cara yang bermakna. Oleh itu, penggunaan laman-laman web bercirikan Web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah harus dikaji dengan lebih mendalam memandangkan penggunaannya dalam bidang pendidikan masih di peringkat rendah di negara ini (Nurhanisah, 2012).

### **2.2 Pengetahuan**

Pengintegrasian ICT dalam P&P bukanlah satu perkara yang mudah. Pengetahuan tentang ICT adalah amat penting dalam memastikan kejayaan penggunaan sesuatu produk ICT, pelaksanaannya serta penggunaan teknologi baru dalam pendidikan, perniagaan, atau lain-lain perkara yang berkaitan dengan masyarakat dan komunikasi. Menurut Wilson (1990) seseorang yang mempunyai pengetahuan tentang komputer yang dapat memberi huraian dan istilah tentang komputer dari segi komponen dan juga aplikasi komputer.

Menurut Irwin (2000), perubahan persepsi dan sikap masyarakat terhadap komputer boleh digerakkan secara berkesan melalui pendidikan. Untuk mengintegrasikan ICT dalam pendidikan, teknologi ICT tersebut perlu dimasukkan ke dalam sistem pendidikan, terutamanya dalam proses P&P. Ini kerana penggunaan ICT dalam persekitaran pengajaran mampu meningkatkan pencapaian pelajar (Hew & Brush, 2007).

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk memperoleh data daripada responden. Populasi kajian ini ialah 120 orang pensyarah. Berdasarkan Jadual Penentuan Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), bilangan minimum bagi saiz sampel yang dicadangkan untuk saiz populasi 120 orang pensyarah adalah seramai 92 orang. Walau bagaimanapun, penyelidik memilih sampel seramai 100 orang bagi memastikan kadar pulangan yang tinggi. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Bagi meninjau pengetahuan dan tahap penggunaan Web 2.0 Tools kalangan pensyarah soal selidik digunakan. Instrumen kajian ini diadaptasi dari kajian-kajian lepas dan diuji kesahan dan kebolehpercayaan untuk memastikan dapatan yang diperoleh boleh dipercayai, tepat dan konsisten (Jadual 1)

**Jadual 1: Sumber Instrumen Kajian**

Dimensi Utama	Bil. Item	Sumber	Cronbach Alpha
Pengetahuan	6	Stone & Henry (2003)	0.96
Tahap Penggunaan	12	Moersch (2001)	0.89
Jumlah	18		<b>0.94</b>

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min, peratusan dan frekuensi) dan korelasi Koefisien (*Pearson*). Pengiraan min digunakan untuk menentukan setiap tahap kecenderungan responden dalam menilai persoalan kajian (Wiersma, 2000). Julat skor min yang diperolehi dalam kajian ini adalah antara 0.00 hingga 7.00. Bagi tujuan analisis, beza julat maksimum dan minimum dibahagikan kepada tiga. Skor min antara 0.00 hingga 2.33 sebagai tahap rendah, min 2.34 hingga 4.67 tahap sederhana dan min 4.68 hingga 7.00 tahap tinggi.

### 4. Dapatan Dan Perbincangan Kajian

#### 4.1 Latar Belakang Responden

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bilangan pensyarah perempuan adalah lebih ramai (60.7%) berbanding pensyarah Lelaki (39.3%) dari keseluruhan responden kajian iaitu 84 orang. Dari segi umur pula, dapatan menunjukkan pensyarah yang berumur antara 30 hingga 39 tahun merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu 38 orang pensyarah. Data tentang pengalaman mengajar pensyarah di UUM menunjukkan bahawa pensyarah yang telah mengajar lebih dari 10 tahun merupakan responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini iaitu 47 orang atau 51 % dari keseluruhan responden kajian.

#### 4.2 Dapatan Deskriptif Variabel Bebas dan Variabel Bersandar

##### 4.2.1 Tahap Pengetahuan

**Jadual 2: Tahap Pengetahuan tentang Web 2.0 Tools**

Variabel	Min	Sisihan Piawai (sp)
Tahap Pengetahuan	3.92	0.92

Dapatan kajian ini (Jadual 2) menunjukkan bahawa min pengetahuan pensyarah adalah 3.92 ( $sp= 0.92$ ) dan ia berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa min pengetahuan pensyarah adalah 3.92 ( $sp= 0.92$ ) dan ia berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian adalah selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Nazamuddin (2004) dan Mohd Izham dan Noraini (2007) yang turut mendapati tahap pengetahuan responden menggunakan ICT berada pada tahap sederhana. Tahap pengetahuan pensyarah yang sederhana ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada pengajaran yang menggunakan *Web 2.0 Tools* Justeru, kursus-kursus yang berkaitan dengan *Web 2.0 Tools* masih kurang untuk diikuti oleh para pensyarah ataupun pensyarah tidak berpeluang untuk mengikuti kursus yang diadakan.

#### 4.2.2 Tahap Penggunaan *Web 2.0 Tools*

**Jadual 3: Tahap Penggunaan *Web 2.0 Tools***

Variabel	Min	Sisihan Piawai (sp)
Tahap Penggunaan	3.42	0.85

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif bagi variabel bersandar iaitu Tahap Penggunaan *Web 2.0 Tools* Min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.42 ( $sp= 0.85$ ). Ini menjelaskan bahawa tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* juga berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian oleh Cuban (2001) dan Ashinida et al. (2004) yang mendapati tahap penggunaan ICT untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan oleh tiada latihan, faktor kekurangan kemudahan, faktor masa dan kurangnya kemahiran.

#### 4.3 Hubungan antara Pengetahuan dengan Tahap Penggunaan *Web 2.0 Tools*

**Jadual 4: Hubungan antara Pengetahuan dengan Tahap Penggunaan *Web 2.0 Tools***

	Tahap Penggunaan <i>Web 2.0 Tools</i>	
	r	sig.
Pengetahuan	.696	.000

sig. pada  $p<.05$

Dapatan kajian (Jadual 4) menunjukkan variabel pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan ( $r=.69$ ,  $p=0.000$ ) dengan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools*. Koefisien korelasi tersebut menunjukkan hubungan yang sederhana (*moderate*) (Hall, 2004) dan positif wujud antara pengetahuan dan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools*. Ini menjelaskan bahawa para pensyarah yang mempunyai pengetahuan yang tinggi mempunyai tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* yang tinggi dan sebaliknya. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian oleh Zaidatun Tasir dan Lim Bee Yeok (2011) yang turut mendapati tahap pengetahuan dalam ICT mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengintegrasian ICT dalam P&P.

#### 4.4 Implikasi Kajian

Dapatan menunjukkan variabel pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools*. Ini menjelaskan bahawa pengetahuan tentang *Web 2.0 Tools* yang mempunyai hubungan signifikan dengan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* perlu diberi lebih penekanan supaya dapat meningkatkan lagi tahap penggunaan dalam kalangan pensyarah. Pihak universiti juga perlu memberikan perhatian yang

sepenuhnya dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pengajaran menggunakan *Web 2.0 Tools*. Pihak universiti harus memberi sokongan dan galakan sepenuhnya kepada pengintegrasian *Web 2.0 Tools* dalam P&P. Sokongan dan galakan dalam bentuk kemudahan dan pengiktirafan amat diperlukan. Dengan adanya sokongan dan galakan ini, para pensyarah akan mempunyai minat dan semangat untuk mengaplikasikan *Web 2.0 Tools* dalam pengajaran dengan efektif.

#### 4.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Berikut adalah cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan:

- Kajian ini hanya melibatkan variabel pengetahuan dalam penggunaan *Web 2.0 Tools* dalam pengajaran. Oleh itu, kajian akan datang perlu menggunakan faktor-faktor lain seperti infrastruktur, keperluan latihan dan masa yang boleh meningkatkan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools*.
- Dalam kajian ini, penyelidik hanya menggunakan kaedah soal selidik sahaja. Kajian lanjutan dicadangkan supaya menggunakan kaedah lain seperti kaedah pemerhatian, eksperimen atau temubual untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap.

#### 4.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* dalam kalangan pensyarah yang terlibat dalam kajian ini berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan variabel pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* dalam kalangan pensyarah. Perbincangan bab ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini telah menjawab kesemua persoalan kajian dan mencapai objektif yang telah dibentuk. Dapatan kajian juga telah memberi implikasi yang positif terhadap tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* dalam kalangan pensyarah. Untuk meningkatkan tahap penggunaan *Web 2.0 Tools* dalam P&P dalam kalangan pensyarah, tahap pengetahuan *Web 2.0 Tools* perlu dipertingkatkan.

#### Rujukan

- Ashinida Aladdin, Afendi Hamat & Mohd. Shabri Yusof. (2004). Penggunaan PBBK (pengajaran bahasa berbantuan computer) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing: Satu tinjauan awal. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 4(1). Diakses pada 30 Mei 2014 dari <http://www.fpbahasa.ukm.my/linguistics/Gema/GemaVol4.1.2004Nol.pdf>
- Cuban, L., Kirkpatrick, H. & Peck, C. (2001). High access and low use of technologies in high school classrooms: Explaining an apparent paradox. *American Educational Research Journal*, 38 (4), 813-834
- Hall, R. J. (2004). *Correlation Coefficient Estimator*. Diakses pada 6 November 2010 dari <http://bobhall.tamu.edu/Correlation/>.
- Hargadon, S. (2009). *Education, Technology, Social Media, and You!*. Diakses pada 5 Mei 2014 dari <http://www.stevehargadon.com/p/my-work.html>.
- Hew, K. F., & Brush, T. (2007). Integrating technology into K-12 teaching and learning: current knowledge gaps and recommendations for future research. *Educational Technology Research and Development*, 55, 223–252

- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mohd Izham dan Noraini (2007). Tahap Kesiapan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi*, 46(E), 45-60.
- Moersch, C. (2001). Next steps: Using LoTi as a research tool. *Learning & Leading with Technology*, 29(3), 22-27.
- Mohamed Amin Embi. (2013). *Aplikasi Kolaborasi Web 2.0 dalam Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Pembangunan Akademik.
- Nazamuddin Alias. (2004). Taksiran Keperluan Penguasaan Teknologi Maklumat Di Kalangan Guru Sains Dalam Perkhidmatan. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, Jilid 5, 2004.
- Nurhanisah Mohamad. (2012). *Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Dicapai pada 4 Jun 2014 dari [http://pibaukm.files.wordpress.com/2012/02/artikel-3\\_aplikasi-web-2-0.pdf](http://pibaukm.files.wordpress.com/2012/02/artikel-3_aplikasi-web-2-0.pdf).
- Pusat Pengajaran *Pembelajaran Universiti*. (2012). *E-Pembelajaran*. Diakses pada 10 Mei 2014 dari <http://utlc.uum.edu.my/index.php/perkhidmatan/e-pembelajaran/pengenalan>.
- Rosnaini Mahmud, Mohd Arif Ismail, & Jalalludin Ibrahim. (2011). Tahap Kemahiran dan Pengintegrasian ICT di kalangan Guru Sekolah Bestari. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(1), 5-13.
- Stone, R. W., & Henry, J. W. (2003). The Roles of Computer Self-Efficacy and Outcome Expectancy in Influencing the Computer End-User's Organizational Commitment. *Journal of End User Computing*, 15 (1), 38-53.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction (7<sup>th</sup> Ed.)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Zuraidah Saidin. (2011). *Web 2.0 Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Diakses pada 3 Jun 2014 dari [http://www.mlcs.sg/home/images/MLCS\\_Gallery/seminar2011/paper1%20%20a1%20kertas%20kerja%20beacon%20pri%20final.pdf](http://www.mlcs.sg/home/images/MLCS_Gallery/seminar2011/paper1%20%20a1%20kertas%20kerja%20beacon%20pri%20final.pdf)
- Zaidatun Tasir, & Lim Bee Yeok. (2011). Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Masalah Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah. *Journal of Social Science*, 3, 83-103.